

## **Kempen Anti Merokok**

**Mahfuzah binti Musban, Noraisyah binti Mat Nor, Nur Shaliha bt Mohd Kahar, Norsyazreen bt Ramlan dan Nur Salimah bt Alias**

Pelbagai kempen dilakukan oleh kerajaan bagi mencegah remaja daripada terjebak kedalam tabiat merokok. Kempen ini dijalankan samada melalui media cetak, media elektronik serta penyebaran poster. Ini menunjukkan seriusnya masalah merokok di kalangan remaja sekarang (Ahmad & Mustafa, 2006). Kerajaan menganggap rokok adalah musuh utama negara yang perlu dilupuskan dalam apa jua cara sekali pun. Menteri Kesihatan, Datuk Seri Liow Tiong Lai menyatakan bahawa penjualan rokok 14 batang akan diharamkan bagi mengehadkan kebolehcapaian awam terhadap rokok terutamanya di kalangan remaja. Penjualan rokok 20 batang masih dikekalkan kerana harganya yang mahal. Menurut beliau lagi, kerajaan akan memperluaskan kawasan larangan merokok di seluruh negara. Selain langkah mengharamkan penjualan rokok 14 batang, kerajaan telah mengadakan pelbagai program bagi membendung perbuatan merokok di kalangan rakyat negara ini. Antaranya meningkatkan cukai dan harga rokok, menguatkuasakan Peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004, promosi antimerokok terutama Kempen Tak Nak Merokok serta Kempen Nafas Baru Bermula Ramadan.

Di peringkat sekolah, program Doktor Muda telah lama diwujudkan untuk mendidik pelajar sekolah berkaitan kesihatan dan memberi kesedaran mengenai kesan buruk akibat merokok. Umum mengetahui bahawa merokok merupakan satu gaya hidup yang memudaratkan. Kesan merokok itu bukan saja pada perokok, malah pada orang yang tidak merokok (Utusan Malaysia, 7 April 2010).